

Anwar kembali ke Parlimen Tambun

BH
- 3/12/2022
m/s: 7

Lawatan singkat PM sertai solat Jumaat, hadir kenduri rakyat di Meru Raya

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam kembali ke Tambun selepas kira-kira dua minggu mendapat mandat majoriti pengundi kawasan Parlimen itu pada Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), 19 November lalu.

Pengerusi Pakatan Harapan (PH) itu yang mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Ke-10 pada 24 November lalu memulakan lawatan singkatnya di lokasi pertama, Pasar Awam Tanjung Rambutan, di sini pada jam 12.15 tengah hari.

Ketibaan beliau disambut Menteri Besar, Datuk Seri Saarani Mohamad; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ahmad Suaidi Abdul Rahim serta ratusan rakyat yang tidak melepaskan peluang merakam gambar pemim-

pin negara itu.

Terdahulu, Anwar tiba di Ipoh melalui Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah (LTSAS), di sini dan diterima menghadap Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, di Istana Kinta.

Beliau yang kemudian melakan sesi tinjauan mesra dan beramah mesra bersama warga Parlimen Tambun di Pasar Awam Tanjung Rambutan, turut meluangkan masa menyampaikan ucapan pendek yang antara lain menyentuh hal pem-



Perdana Menteri menyantuni orang ramai ketika sesi tinjauan mesra bersama warga Parlimen Tambun di Pasar Awam Tanjung Rambutan, semalam. (Foto BERNAMA)

bentukan Kabinet.

Sertai kenduri rakyat

Perdana Menteri seterusnya menyertai jemaah solat Jumaat dan kenduri rakyat di Masjid Muhammad Al Fateh, Taman Jati di Meru Raya. Sesudah program tamat kira-kira jam 3 petang, beliau berlepas pulang ke Pangkalan Udara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Su-

bang, Selangor.

Anwar menawan Parlimen Tambun pada PRU15 dengan memperoleh majoriti 3,736 undi dalam saingan empat penjurua di kerusi yang dianggap pertembungan yang bukan sahaja paling menarik tumpuan rakyat Malaysia, malah dunia.

Presiden PKR itu memperoleh 49,625 undi dalam saingan sengit bagi menewaskan penyandang

kerusi yang juga bekas Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu mewakili Perikatan Nasional (PN) yang mendapat 45,889 undi.

Dua lagi calon, Datuk Aminuddin Md Hanafiah mewakili Barisan Nasional (BN) memperoleh 28,140 undi, manakala calon Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG), Abdul Rahim Tahir sekadar 1,115 undi.



Perdana Menteri bersalaman dengan orang ramai pada majlis kenduri rakyat di Masjid Muhammad Al-Fateh, semalam. (Foto L Manimaran/BH)



Perdana Menteri bersama Saarani pada majlis kenduri rakyat di Masjid Muhammad Al-Fateh, Taman Jati, semalam. (Foto BERNAMA)